

Harakah perlu minta maaf hina PM

KUALA LUMPUR 17 Jun – Kalangan pemimpin UMNO dan Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) mendesak akhbar rasmi Pas. Harakah dan para pemimpin parti itu membuat kenyataan terbuka memohon maaf mengenai karikatur yang menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Permohonan maaf tersebut juga perlu disiarkan di muka depan akhbar itu pada keluaran akan datang kerana karikatur tersebut merupakan satu penghinaan terhadap sesama Islam dengan cara yang amat menjijikkan.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata, tidak cukup dengan hanya memohon maaf kepada pihak tertentu melalui akhbar sahaja, sebaliknya perlu dinyatakan secara lebih terbuka.

Beliau berkata, kenyataan mohon maaf cara itu seperti tidak ikhlas.

“Pas membuat kenyataan seperti itu disebabkan dia takut orang yang akan membenci sikap dan tindakan yang telah mereka lakukan terhadap orang Islam lain,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Harakah hari ini menerusi satu kenyataan memutuskan untuk menarik balik penyiaran kartun Zunar yang diterbitkan di dalam akhbar berkenaan bagi keluaran 16 hingga 30 Jun ini.

Harakah juga memohon maaf kepada mana-mana pihak yang tersinggung dengan penyiaran lukisan tersebut tanpa merujuk secara khusus pihak-pihak yang dimaksudkan.

Ketua Pengarangnya, Zulkifli Sulong mendakwa, pihaknya menganggap perkara berkenaan sebagai sesuatu yang tidak disengajakan dan langsung tidak berniat untuk menghina sesiapa.

Pengernsi BBC, Datuk Ir. Mohd. Zin Mohamed pula berkata, jika mereka sedar bahawa tindakan menyiarkan karikatur tersebut boleh menyinggung perasaan pemimpin negara, ia sepatutnya tidak disiarkan.

“Kita tidak boleh menerima permohonan maaf daripada akhbar berkenaan tetapi juga kalangan pemimpin Pas itu sendiri yang seharusnya berbuat demikian.

“Para pemimpin Pas tidak boleh melepaskan tanggungjawab memandangkan akhbar berkenaan merupakan akhbar rasmi mereka dan permohonan maaf itu perlu dibuat oleh ke dua-dua pihak,” katanya.

Ketua Puteri UMNO, Azalina Othman Said berkata, tindakan Harakah menyiarkan karikatur tersebut sebagai tiada modal dalam meneruskan kempen parti mereka terhadap rakyat.

Tambahnya, permohonan maaf oleh ketua pengarang akhbar itu tidak akan menyelesaikan perkara yang sebelum ini menghentam pemimpin negara tanpa sebarang alasan kukuh.

“Sudah menjadi kelaziman mereka menyiarkan artikel yang menghentam pemimpin negara tetapi jarang kita baca mereka minta maaf.

“Mereka akan terus menghentam tanpa memikirkkan perasaan orang lain,” katanya.

Anggota Exco Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Mastika Junaidah Hussin juga tidak bersetuju dengan cara Harakah mencari publisiti murah untuk mendapat sokongan rakyat.